

Telefon : 60-4-2614424
Fax : 60-4-2613003



PEJABAT KETUA MENTERI
10502 KOMTAR
PULAU PINANG, MALAYSIA

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

16 November, 2017

Salam sejahtera,

PROGRAM PULAU PINANG BANGKIT : PENGECUALIAN CUKAI PINTU UNTUK RUMAH KOS RENDAH, RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH DAN RUMAH KAMPUNG/ BERTANAH SERTA PENGURANGAN CUKAI PINTU SEBANYAK 10% UNTUK HARTANAH LAIN BAGI TAHUN 2018

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memberikan pengecualian penuh cukai pintu untuk semua rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah untuk tahun 2018. Majlis Bandaraya Pulau Pinang dijangka akan menanggung sebanyak RM9.1 juta manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan menanggung RM6.3 juta.

Langkah ini untuk membantu golongan marhaen dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri menjalankan pentadbiran bersih berdasarkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) yang membolehkan lebih Belanjawan setiap tahun dan pengurangan hutang negeri yang terbesar di Malaysia sebanyak 90%. Kerajaan Negeri ingin berkongsi hasil kejayaan ini bersama dengan rakyat marhaen yang tinggal di rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung/bertanah dalam bentuk dividen anti-rasuah.


Pada 9 November 2017, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah melancarkan program pasca bencana Pulau Pinang Bangkit sebanyak RM105 juta untuk membantu rakyat yang mengalami angin ribut kencang dan banjir yang paling teruk dalam sejarah Pulau Pinang. Di antaranya ialah diskaun cukai pintu sebanyak 10% untuk hartanah-hartanah lain selain daripada yang dinyatakan di atas. Impak diskaun 10% di kawasan pentadbiran MBPP ini akan melibatkan kos sebanyak RM20.13 juta manakala di kawasan pentadbiran MPSP pula adalah sebanyak RM17.11 juta.

Pulau Pinang dilandai tempas tiga bencana alam sekaligus yakni Taufan Damrey yang melandai Vietnam, angin ribut kencang yang paling kuat dalam sejarah Malaysia selaju 40 batu sejam sehingga feri Pulau Pinang ditolak ke atas darat jeti konkrit serta banjir besar di sempadan negeri Kedah yang melimpah ke Pulau Pinang pada 4-5 November 2017 yang lalu. Salah satu langkah untuk membantu mangsa banjir ialah dengan memberikan bayaran ihsan *one-off* RM700 kepada setiap isi rumah atau keluarga dan juga diskaun cukai pintu sebanyak 10% kepada semua hartanah.

Diharapkan bantuan Kerajaan Negeri ini akan dapat meringankan beban peningkatan kos sara hidup semasa dan juga membantu rakyat di Negeri Pulau Pinang yang terkesan dengan bencana baru-baru ini bangkit semula.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Lim Guan Eng', with a horizontal line drawn underneath the signature.

(LIM GUAN ENG)

Ketua Menteri Pulau Pinang